

**BULETIN**



# MDHS

**MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR**

*'Daripada Anda Untuk Anda'*

Edisi • Januari - Jun 2013 • [www.mdhs.gov.my](http://www.mdhs.gov.my)



PROGRAM INI DIBAWA KHAS OLEH  
**MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR**  
MDHS  
*Dari Anda Untuk Anda*





# Sidang Redaksi

**Penaung:**  
Tuan Tukiman bin Nail

**Penasihat:**  
Azman bin Dahlan

**Ketua Pengarang:**  
Junainah binti Abdullah

**Pengarang:**  
Norhidayah binti Abdul Halim  
Siti Khadijah binti Mahauddin  
Ranjini Dewi Dharmalingam  
Amirruddin bin Sohor

**Jurufoto:**  
Mohd Shahril bin Hasanudin

**Diterbitkan:**  
Unit Aduan Perhubungan Awam dan Korporat  
Majlis Daerah Hulu Selangor  
Jalan Bukit Kerajaan  
44000 Kuala Kubu Bharu  
Selangor Darul Ehsan

# 'Daripada Anda Untuk Anda'



# Taklimat Program 5S Majlis Daerah Hulu Selangor

Bertempat di Dewan Merdeka Kuala Kubu Bharu pada 7 Januari 2013, satu taklimat berkenaan pelaksanaan Program 5S telah diadakan. Program ini adalah usaha keseluruhan organisasi bagi menjadikan tempat kerja bersih, tersusun dan bersistem. Taklimat awal telah disampaikan oleh wakil daripada Paksi Rezeki Sdn. Bhd. Program ini diadakan selari dengan tarikh rasmi program pelaksanaan program 5S.



## Sesi Perbincangan Di Apartment Buginvilla

Pada 13 Januari 2013 bertempat di Apartment Buginvilla, Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung, satu sesi perbincangan bersama yang telah diadakan oleh Cawangan Pesuruhjaya Bangunan MDHS berkenaan isu air yang dihadapi di Apartment Buginvilla, Taman Bunga Raya. Sesi perbincangan ini telah dihadiri oleh kakitangan Cawangan Pesuruhjaya Bangunan MDHS serta agensi-agensi yang terlibat. Sesi perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Encik Ahmad Fairos Bin Mohamad Zamani Selaku Ketua Unit oleh Cawangan Pesuruhjaya Bangunan MDHS.





# Minum Petang Bersama Bekas Parajurit Daerah Hulu Selangor

Pada 23 Januari 2013, bertempat di Majlis Daerah Hulu Selangor telah diadakan Majlis Minum Petang Bersama Bekas Parajurit Daerah Hulu Selangor. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk memberi ruang kepada bekas parajurit untuk menyatakan segala permasalahan yang dihadapi. Majlis minum petang ini berjalan dengan lancar dan jayanya.



## Majlis Pelancaran Jelajah Budaya Selangor Siri 4 Daerah Hulu Selangor

Bertempat di Perkarangan Geleri Seni Hulu Selangor pada 29 Januari 2013 bersamaan hari Selasa, telah diadakan Majlis Pelancaran Jelajah Budaya Selangor siri 4 Daerah Hulu Selangor. Program ini telah dihadiri oleh pelajar sekolah dan masyarakat setempat. Program ni juga turut dihadiri oleh tetamu kehormat iaitu Senator Syed Shahir Syed Mohamud, Ahli Dewan Negara yang mewakili YAB Dato' Menteri Besar

Selangor. Majlis pelancaran dimulakan dengan ucapan aluan oleh Tuan Tukiman bin Nail, Yang DiPertua MDHS dan seterusnya perasmian program telah disempurnakan oleh Senator Syed Shahir Syed Mohamud. Program Jelajah Budaya ini berlangsung selama tiga hari dua malam bermula pada 29 Januari 2013 hingga 31 Januari 2013. Pelbagai pengisian yang telah dijalankan sepanjang tempoh tersebut iaitu pameran lukisan, kuliah ilmu, bicara budaya, malam Jelajah Budaya, Anugerah Tokoh Budaya, pertunjukkan teater, bicara buku, sepetang bersama Zunar dan Kitt Lee serta himpunan rumpun melayu. Program ini juga mendapat kerjasama daripada Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Selangor, Darul Quran, Persatuan Seni dan Sastera Malaysia (Sesama) dan agensi-agensi kerajaan di dalam daerah Hulu Selangor.





# Sambutan Tahun Baru Cina Majlis Daerah Hulu Selangor 2013

Bertempat di Jalan Orkid 2, Bukit Sentosa bersebelahan dengan Pasaraya TESCO, satu Program Sambutan Tahun Baru Cina telah diadakan pada 16 Februari 2013. Program berlangsung dari jam 7.30 petang hingga jam 10.30 malam. Program turut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat iaitu Tuan Setiausaha MDHS, ahli-ahlimajlis dan seterusnya oleh Ahli Parlimen Kelana Jaya Tuan Loh Gwo Burne. Tetamu-tetamu dan orang ramai seterusnya dihiburkan dengan persembahan

tarian naga LED dari Persatuan Tarian Naga dan Singa Wei Mou Yee Piau Serendah. Disusuli dengan ucapan aluan daripada Puan June Leow, Ahlimajlis MDHS dan yang dinanti-nantikan ucapan perasmian oleh Tuan Azman bin Dahlan, Setiausaha MDHS. Gimik perasmian ialah para tetamu-tetamu jemputan dan kehormat bersama-sama menggaul 'yeesang' yang menjadi simbolik pada setiap sambutan Tahun Baru Cina.



**TAKLIMAT KHAS KEPADA PENGUSAHA/OPERATOR KILANG**  
DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS  
**KAWASAN PERINDUSTRIAN SUNGAI CHOH 2020**  
19 Februari 2013

## Taklimat Rancangan Kawasan Khas Kawasan Perindustrian Sungai Choh

Pada 18 dan 19 Februari 2013, bertempat di Dewan Komuniti Sungai Choh, satu sesi taklimat dan dialog bersama penduduk dan pengusaha kilang telah dijalankan bagi memberi penerangan khusus tentang cadangan pembangunan draf Rancangan Kawasan Khas Kawasan Perindustrian Sungai Choh 2020 serta bagi mendapatkan maklumbalas penduduk tempatan dan pengusaha-pengusaha kilang terhadap cadangan yang terkandung di dalam Draf RKK Kawasan Perindustrian Sungai Choh 2020. Sesi taklimat ini melibatkan penduduk tempatan (Kampung Koskan, Kampung Stesen, Taman Ihsan Ibu, Kampung Simpang Sungai Choh, Kampung Mohd Taib dan penduduk sekitar), Ahli Majlis, pengusaha kilang dan Ketua kampung. Objektif utama program ini adalah memberi penerangan secara khusus kepada pemilik tanah, pengusaha kilang, penduduk serta individu yang terlibat dalam Draf Rancangan Kawasan Khas Kawasan Perindustrian Sungai Choh 2020.





# Hari Bertemu Pelanggan

## Majlis Daerah Hulu Selangor

Pada 24 Februari 2013, Unit Aduan, Perhubungan Awam Dan Korporat Majlis Daerah Hulu Selangor telah mengadakan Hari Bertemu Pelanggan MDHS di Dewan Komuniti Serendah. Terdapat pelbagai acara yang diadakan diantaranya klinik bola sepak bawah 12 tahun, kempen derma darah dan pelbagai lagi acara menarik. Program ini turut melibatkan pelbagai agensi jabatan diantaranya Jabatan Pertahanan Awam, Pejabat Kesihatan, Klinik Gigi, Indah Water Konsortium dan pelbagai lagi agensi-agensi jabatan lain. Program ini berjalan dengan lancar dan jayanya.



## Mesyuarat Agung Badan Pengurusan Bersama (JMB)

Apartment Seri Tanjung, Bukit Sentosa

Bertempat di Apartment Seri Tanjung, Bukit Sentosa pada 24 Februari 2013, Badan Pengurusan Bersama (JMB) Apartment Tanjung, Bukit Sentosa telah mengadakan mesyuarat agung bagi tahun 2013. Mesyuarat agung tersebut telah dihadiri oleh Encik Ahmad Fairos Bon Mohamad Zamani selaku Ketua Unit Cawangan Pesuruhjaya Bangunan (COB) dan wakil daripada Unit Cawangan Pesuruhjaya Bangunan (COB). Mesyuarat tersebut juga telah dihadiri Ahli Jawatankuasa JMB dan penduduk sekitar kawasan tersebut. Sidang mesyuarat berjalan dengan lancar tanpa sebarang kacauganggu daripada pihak luar.





# Program Kemahiran Belia 2013

Program Kemahiran Belia 2013 merupakan program kerjasama diantara Majlis Daerah Hulu Selangor bersama Kolej Komuniti Hulu Selangor yang telah diadakan pada 2 Mac 2013 bertempat di Kolej Komuniti Hulu Selangor. Program ini mengandungi dua bidang kursus kemahiran iaitu Asas Jahitan Langsir dan Pembuatan Roti Canai. Seramai 80 peserta yang telah menghadiri program ini yang terdiri daripada belia-belia sekitar hulu selangor, ibu-ibu tunggal dan perniaga-peniaga kecil. Perasmian penutup telah disempurnakan oleh Tuan M. Azmi bin Hj. Ruzali, Pengarah Kolej Komuniti Hulu Selangor.



## Sesi Dialog Dan Silaturahmi Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew Bersama Pemimpin Komuniti Sempena Sambutan Tahun Baru Cina 2013

Bertempat di Kelab Golf Bukit Beruntung pada 4 Mac 2013 bersamaan hari Isnin telah diadakan satu Program Sesi Dialog Dan Silaturahmi Y.B. Tuan Ronnie Liew Tian Khiew

Bersama Pemimpin Komuniti Sempena Tahun Baru Cina 2013. Kumpulan sasaran yang telah menyertai program ini ialah pemimpin-pemimpin komuniti semua kaum yang terdapat di dalam daerah Hulu Selangor. Segala isu yang timbul dijawab oleh Y.B. Ronnie Liew Tian Khiew dengan bantuan Tuan Yang DiPertua Majlis Daerah Hulu Selangor dan En. Johary bin Anuar, Timbalan Pengarah Seksyen Kerajaan Tempatan UPEN serta ketua-ketua jabatan peringkat daerah. Selesai sesi dialog, Y.B. Ronnie Liew Tian Khiew dibawa melawat ke kawasan yang dibangkit bagi menyelesaikan masalah.





# Sesi Taklimat Timbalan Setiausaha Kerajaan Selangor, Y.Bhg Dato' Haji Mohamad Roslan Bin Sakiman

Satu sesi taklimat Timbalan Setiausaha Kerajaan Selangor, Y.Bhg Dato' Haji Mohamad Roslan Bin Sakiman bersama wakil daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor ke Majlis Daerah Hulu Selangor dan sekitar kawasan di Hulu Selangor telah diadakan pada 12 Mac 2013. Program ini dimulakan dengan penerangan mengenai Majlis Daerah Hulu Selangor

oleh Tuan Yang DiPertua Majlis Daerah Hulu Selangor dan ketua-ketua jabatan dalaman. Selepas taklimat ringkas, Timbalan Setiausaha Kerajaan Selangor bersama rombongan di bawa melawat di sekitar kawasan di bawah pentadbiran Majlis Daerah Hulu Selangor.



## Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) Badan Pengurusan Bersama (JMB) Apartment Seri Cempaka, Pinggiran Tasik Kiambang, Serendah

Pada 17 Mac 2013 bertempat Apartment Seri Cempaka, Pinggiran Tasik Kiambang, Serendah, Badan Pengurusan Bersama (JMB) Apartment Seri Cempaka, Pinggiran Tasik Kiambang, Serendah telah mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) bagi tahun 2013. Mesyuarat agung tersebut

telah dipengerusikan oleh Encik Ahmad Fairos Bin Mohamad Zamani selaku Ketua Unit Cawangan Pesuruhjaya Bangunan (COB). Mesyuarat turut di serikan dengan kehadiran Ahli Majlis.





## Majlis Ramah Mesra Dan Gotong Royong Apartment Teratai, Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung

Bertempat di Apartment Teratai, Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung pada 24 Mac 2013, Badan Pengurusan Bersama (JMB) Apartment Teratai, Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung telah mengadakan Majlis Ramah Mesra dan Gotong Royong di kawasan tersebut. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor, Tukiman Bin Nail. Majlis tersebut juga turut dihadiri oleh wakil daripada Unit Cawangan Pesuruhjaya Bangunan (COB) serta agensi-agensinya jabatan teknikal dan kesihatan. Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan sepanjang majlis diadakan. Majlis tersebut mendapat sambutan daripada penduduk seterusnya berharap program seperti ini diadakan dimasa akan datang.



## MESYUARAT IPMC

Pada 3 April 2013 bertempat di Bilik Mesyuarat Majlis Daerah Hulu Selangor, Kuala Kubu Bharu telah diadakan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) yang dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor, Tuan Tukiman Bin Nail selaku Pengerusi IPMC bersama-sama Y.B Dato Kelvin Lai Tak Kuan, pengerusi bersama IPMC Hulu Selangor. Mesyuarat telah dihadiri oleh seramai 51 orang seperti ketua jabatan, ahli majlis dan pengilang-pengilang di sekitar Hulu Selangor. Terdapat beberapa perkara yang dibincangkan diantaranya ialah isu berkaitan kerosakan jalan di Jalan Jasmine serta kabel elektrik yang dicuri. Disamping itu juga, isu banjir yang berlaku di hadapan kilang Sunway Paving Solution Sdn. Bhd. turut dibincangkan. Pihak majlis memaklumkan kerja-kerja pembaikan akan dimaklumkan kepada pihak jabatan yang berkaitan. Hal-hal lain yang turut dibincangkan ialah berkaitan isu papan tanda, burung walit, pili bomba dan parkir lori.





# Kayuhan Bes Jelajah Selangorku



Bertempat di Dewan Merdeka Kuala Kubu Bharu pada 24 Mac 2013 bersamaan hari Ahad, telah diadakan satu Program Kayuhan BES Jelajah Selangor 2013 peringkat Majlis Daerah Hulu Selangor. Program ini telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Tetap Adat Resam Melayu, Belia dan Sukan Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi dengan kerjasama Majlis Daerah Hulu Selangor dan agensi-agensi kerajaan peringkat daerah seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan lain-lain telah disertai oleh 195 orang peserta. Peserta terdiri dari pelbagai lingkungan umur di mana yang paling muda ialah 11 tahun dan yang paling tua ialah 60 tahun. Para peserta dilepaskan dari hadapan Dewan Merdeka, Kuala Kubu Bharu tepat jam 8.30 pagi oleh Tuan Tukiman bin Nail, Yang DiPertua (YDP) MDHS bersama-sama En. Jefri bin Mejan, Timbalan Pengarah MSNS, En. Johan bin

Sulaiman, wakil daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) dan En. Azman bin Dahlan, Setiausaha MDHS. Semua pelumba melakukan kayuhan santai sejauh 47 kilometer meliputi laluan pekan KKB, Jalan Hamzah ke Rasa, Kawasan Perindustrian Zurah ke Perumahan Taman Widuri melalui Jalan Rasa-Bukit Beruntung sebelum berpatah balik ke KKB menggunakan laluan yang sama. Sepanjang laluan tersebut, pihak penganjur telah menyediakan tiga kawasan rehat bagi pelumba-pelumba mengambil air dan melepaskan kepenatan masing-masing. Sepanjang program berlangsung, para peserta diawasi oleh pasukan marshal dari Bahagian Penguatkuasa MDHS serta kawalan keselamatan oleh Pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan ambulans bagi kegunaan kecemasan daripada Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) Hulu Selangor.





# Lawatan Kerja Berkaitan 5S Di Majlis Perbandaran Selayang

Selari dengan pelaksanaan program 5S yang telah di buat pada bulan Januari 2013, satu lawatan kerja berkaitan 5S telah diadakan ke Majlis Perbandaran Selayang pada 4 April 2013 bersamaan hari Khamis. Peserta lawatan adalah terdiri daripada ketua-ketua jabatan Majlis Daerah Hulu Selangor dan Ahli Jawatankuasa 5S. Peserta lawatan diberi taklimat ringkas oleh wakil daripada Majlis Perbandaran Selayang dan seterusnya di bawa melawat ke sekitar kawasan kerja di Majlis Perbandaran Selayang.



## Taklimat Perkongsian Pintar Antara PBT Selangor

Bertempat di Bilik Mesyuarat Majlis Daerah Hulu Selangor pada 11 April 2013, satu Taklimat Perkongsian Pintar Antara PBT Selangor telah diadakan. Taklimat ini merupakan salah satu daripada Pelan Strategik ICT MDHS yang bertujuan untuk meningkatkan mutu penyampaian bil cukai taksiran PBT kepada orang awam. Taklimat ini telah dihadiri oleh wakil daripada 12 PBT di Negeri Selangor. Objektif utama taklimat ini adalah bertujuan mendapat maklumbalas dari PBT Selangor mengenai satu kaedah sistem cetakan bil cukai taksiran PBT Selangor dengan menggunakan kaedah "Mailmerge". Susulan dari maklumbalas tersebut, satu bengkel pelaksanaan kaedah tersebut akan diadakan sebagai satu usaha kearah memajukan Pelan Strategik ICT MDHS.





# Mesyuarat Agung Kelab Sukan Dan Kebajikan MDHS Kali Ke 27

Mesyuarat Agung Kelab Sukan Dan Kebajikan Majlis Daerah Hulu Selangor Kali Yang Ke 27 telah diadakan pada Hari Jumaat bersamaan 19 April 2013 bertempat di Dewan Merdeka, Kuala Kubu Bharu. Program ini telah dihadiri seramai hampir 257 orang yang terdiri daripada Ahli Majlis dan kakitangan MDHS merangkap ahli Kelab Sukan Dan Kebajikan (KSDK). Program diserikan dengan ucapan Yang DiPertua KSDK, En. Ali Badri b. Abu Hassan seterusnya ucapan daripada Yang DiPertua MDHS Tuan Tukiman b. Nail. Program diteruskan dengan

penyampaian cenderahati kepada Tuan Yang DiPertua MDHS. Seterusnya, mesyuarat agung dimulakan dengan mengesahkan minit mesyuarat kali yang ke 26, membentangkan laporan biro-biro bagi tahun 2012 serta membentangkan laporan kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2013. Mesyuarat turut membincangkan usul-usul yang dikemukakan oleh ahli kelab. Program diakhiri dengan ucapan penangguhan beserta cabutan nama bertuah dan jamuan ringan kepada ahli kelab.





# WINGS OF KKB 2013 Selangor Bird Race

Majlis Daerah Hulu Selangor telah menganjurkan Program Wings Of KKB 2013: Selangor Birds Race pada 10 – 12 Mei 2013. Penganjuran kali ini adalah susulan kejayaan penganjuran pertama yang dianjurkan pada tahun 2012. Penganjuran tahun ini lebih meriah dengan penyertaan Resorts World Genting sebagai penganjur dan penaja utama bagi program tahun ini. Objektif utama penganjuran Wings Of KKB ini adalah bagi memupuk kesedaran orang ramai amnya dan pelajar sekolah khasnya kepentingan menjaga alam sekitar melalui aktiviti memerhati burung. Program ini juga akan meletakkan Kuala Kubu Bharu khasnya dan Daerah Hulu Selangor amnya di peta pelancongan Malaysia selaras keistimewaan Daerah ini dari segi sejarah, warisan dan keindahan flora dan fauna. Penglibatan Resorts World Genting pada penganjuran tahun ini meletakkan prestij program ini pada satu tahap yang amat membanggakan. Selain penajaan, dengan memasukkan kawasan Peranginan Genting Highlands sebagai salah satu lokasi pertandingan, ianya juga dapat mempromosikan aktiviti memerhati burung di Pusat Peranginan Genting Highlands. Penganjuran kali kedua ini masih mengekalkan kategori sekolah dan pada tahun ini kategori terbuka diperkenalkan. Seperti tahun sebelumnya, kategori sekolah akan berlangsung dengan para pelajar akan memerhati burung di sekitar Bandar Kuala Kubu Bharu. Manakala bagi kategori terbuka, peserta perlu bergerak 10 checkpoint yang telah ditetapkan bermula dengan 5 checkpoint Bandar Kuala Kubu Bharu, Taman Milenium, Kuala Kubu Bharu, Kolam Air Panas Hulu Tamu,

Batang Kali, Hutan Lipur Pelajaran Sungai Kedondong, Batang Kali dan berakhir di Resorts World Genting. Ini menjadikan “Wings Of KKB” sebagai pertandingan memerhati burung pertama di Malaysia yang memerlukan peserta bergerak dari satu altitud ke satu altitud yang lain. Dengan ini, peserta berpeluang untuk menjumpai pelbagai spesis burung berlainan mengikut perbezaan ketinggian. Bagi kategori terbuka ia dimenangi oleh Kumpulan 3 Harriers dari UPM Serdang yang dianggotai oleh Ong Kang Woei, Mohd Azri Ahmad dan Mohd Shahril Ab Razak yang berjaya menjumpai 58 spesis burung. Tempat kedua dirangkul oleh Kumpulan Burung Hantu (Aizam Othman, Jayasilan Maniam dan NorAliah Mohd Yusof) dari Genting Highlands yang berjaya menjumpai 51 spesis dan tempat ketiga dari Kumpulan Laughing Thrush (Pamela Lim dan Aziz Cumming) yang berjaya menjumpai 30 spesis sepanjang 24 jam. Bagi kategori sekolah telah dimenangi oleh Kumpulan Sanoka Birders dari Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Hj. Kamaruddin, Kuala Kubu Bharu, kedua dari Sekolah Menengah Kalumpang dan ketiga dari Kumpulan NAS Birders juga dari Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Hj. Kamaruddin Kuala Kubu Bharu. Acara penyampaian hadiah disempurangkan oleh Puan Noorul Ashikin Mohd Din, Pengurus Besar Toursim Selangor. Turut sama Tuan Tukiman Nail, Yang Dipertua MDHS, Dato’ Anthony Yeo Keat Seong, Senior Vice President - Public Relations & Communications Resorts World Genting dan En. Azman Dahlan, Setiausaha MDHS





# Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012 Dan Konvensyen Pekerja MDHS 2013

Seperti tahun-tahun sebelum ini, Majlis Anugerah Pekhidmatan Cemerlang 2012 dan Konvensyen Pekerja Majlis Daerah Hulu Selangor telah diadakan pada 17 dan 18 Mei 2013 bersamaan Hari Jumaat dan Sabtu bertempat di Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam. Acara ini diadakan bagi mengiktiraf dedikasi dan komitmen wargakerja MDHS yang telah berkhidmat dengan cemerlang dan seterusnya meransang warga kerja yang lain untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik. Majlis ini turut dimeriahkan dengan kehadiran Presiden CUEPACS, Dato' Haji Omar Osman bersama Timbalan Presiden CUEPACS, En. Azih Muda.



## Kem Kenali Remaja Kita Siri 3 Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)

Kem Kenali Remaja Kita Siri 3 merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dengan kerjasama Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Hulu Selangor dan agensi-agensi kerajaan peringkat Daerah Hulu Selangor. Program tersebut telah diadakan pada 17 hingga 19 Mei 2013 bersamaan hari Jumaat hingga Ahad iaitu 3 hari 2 malam bertempat di Teratak Nalys Eco Resort & Equestrian, Hulu Tamu. Sasaran utama program ini adalah pelajar

sekolah di kawasan Hulu Selangor. Seramai 118 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar empat buah sekolah menengah di dalam Daerah Hulu Selangor. Program ini bertujuan memberi pengetahuan dan bimbingan kepada peserta program tentang ilmu-ilmu dalam pengurusan diri sendiri. Disamping itu juga, program ini memberi kesedaran kepada remaja tentang masalah-masalah sosial dalam kalangan remaja yang semakin membimbangkan dan menyemai nilai-nilai murni dan sikap positif dalam diri peserta program demi kepentingan masa hadapan. Majlis Penutup dan Pelancaran Sukarelawan MDHS yang telah disempurnakan oleh Ahli Majlis MDHS merangkap Ketua Komandan, En. Daniel Abdul Aziz








# Lawatan Local Agenda 21 Ke Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor

Pada 21 hingga 23 Mei 2013, Majlis Daerah Hulu Selangor telah mengadakan satu lawatan LA21 ke Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor. Objektif utama program ini adalah mengenalpasti kaedah dan prosedur pelaksanaan program mengecat bangunan oleh Majlis Perbandaran Muar, merangka dan membentuk pelan-pelan tindakan jawatankuasa kecil di bawah Jawatankuasa Pembangunan Mampan Dan Bandar Selamat MDHS, merangka program-program LA21 bagi tahun 2013, melihat pelaksanaan penggunaan garis panduan 'CPTED' oleh Majlis Perbandaran Johor Bharu Tengah, melihat dan meneliti kaedah pelupusan sampah yang lebih efisien di Tapak Pelupusan Seelong dan mengeratkan hubungan diantara agensi-agensi di dalam jawatankuasa. Lawatan ini disertai seramai 41 orang peserta yang terdiri daripada jabatan-jabatan kerajaan di dalam daerah Hulu Selangor, jabatan dalaman Majlis Daerah Hulu Selangor dan ahli-ahli Majlis Daerah Hulu Selangor.



**SEELONG ENVIRONMENT CENTRE**  
Landfill Gas Management  
"Towards A Greener Environment"





# Gotong Royong Perdana Amalan Persekitaan Berkualiti 5S

Bersempena dengan pelaksanaan amalan 5S yang telah dilaksanakan di Majlis Daerah Hulu Selangor pada 31 Mei 2013 bersamaan hari Jumaat, telah diadakan satu Program Gotong Royong Perdana Amalan Persekitaan Berkualiti 5S. Program ini merupakan program kali pertama diadakan dan melibatkan kakitangan dalam Majlis Daerah Hulu Selangor.



# Jualan Borang Bazaar Ramadhan MAMPAN MDHS 2013

Majlis Daerah Hulu Selangor telah mengadakan program jualan borang Bazaar Ramadhan Mampan pada 4 Jun 2013 bertempat di Dewan Merdeka Kuala Kubu Bharu. Ini merupakan program yang kali kedua diadakan di Majlis Daerah Hulu Selangor. Aktiviti jualan borang berjalan lancar walaupun terdapat sedikit kekecohan tetapi terkawal. Aktiviti jualan borang ini juga turut dibantu oleh pegawai-pegawai jabatan dalam Majlis Daerah Hulu Selangor.





# Program Penghayatan Israk Mikraj 1434H Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)

Bersempena sambutan Israk Mikraj 1434H, Majlis Daerah Hulu Selangor dengan kerjasama Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Selangor dan Jawatankuasa Surau At-Taqwa telah mengadakan satu Program Penghayatan Israk Mikraj 1434H pada 8 Jun 2013 bertempat di Surau At-Taqwa, Desa Melor Serendah. Program ini merupakan program kali pertama diadakan bersempena sambutan Israk Mikraj. Program bermula dari sebelum waktu Maghrib sekitar jam 7.00 malam dan kemudian para hadirin bersembahyang Maghrib berjemaah. Selesai sembahyang

Maghrib berjemaah, program diteruskan dengan ceramah yang bertajuk Penghayatan Israk Mikraj yang disampaikan oleh Ustaz Muhammad Yusuf bin Abdul Kadir, seorang penceramah muda yang berkelulusan dari Negara Mesir. Sebaik tamat ceramah tersebut, majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan daripada pihak MDHS kepada penceramah dan juga Jawatankuasa Surau At-Taqwa Desa Melor. Sumbangan disampaikan oleh Tuan Azman bin Dahlan, Setiausaha MDHS.



## Bengkel Pelan Strategik Majlis Daerah Hulu Selangor 2013

Bertempat di Belum Rainforest Resort, Perak pada 13 hingga 15 Jun 2013 telah diadakan Bengkel Pelan Strategik Majlis Daerah Hulu Selangor. Objektif utama program ini adalah merangka dan membincangkan strategi serta hala tuju setiap jabatan di dalam Majlis Daerah Hulu Selangor untuk

dimasukkan di dalam laporan Pelan Strategik MDHS 2013-2018. Seramai 45 orang peserta dan urusetia yang terlibat dalam menjayakan program ini. Bengkel bermula pada jam 3.00 petang 13 Jun 2013 dan dirasmikan oleh Yang DiPertua Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Tuan Tukiman B. Nail. Turut hadir, Setiausaha MDHS, Encik Azman B. Dahlan serta ketua-ketua jabatan dan wakil jabatan. Bengkel diselia oleh Haji Zulkefli Bin Hashim iaitu perunding yang bertanggungjawab dalam penyediaan Pelan Strategik MDHS 2013-2018 ini. Strategi akhir bagi setiap jabatan diperoleh pada hari terakhir bengkel dan akan dimasukkan setiapnya akan dimasukkan ke dalam Pelan Strategik MDHS 2013-2018.





# Taklimat Dan Cabut Undi Bazaar Ramadhan MAMPAN 2013

Satu Program Taklimat Bazar Ramadhan Mampan telah diadakan pada 15 hingga 16 Jun 2013 di Dewan Dato' Abdul Hamid, Batang Kali. Program ini telah dijalankan sebanyak 2 sesi iaitu mengikut kawasan dan terdapat 200 perniaga bagi setiap sesi. Program ini turut dibantu oleh pegawai-pegawai jabatan lain. Taklimat yang dijalankan terbahagi kepada 4 sesi iaitu Taklimat Pelesenan (Peraturan Penjaja), Taklimat LA21, Taklimat Kebersihan dan Taklimat Bomba. Program ini turut disusuli dengan cabutan undi petak Bazar Ramadhan.



## *Program Gotong Royong Dan Penyerahan Tong Sampah Di Rumah Kedai Perniagaan Jalan Orkid, Bukit Sentosa.*

Bertempat di Perniagaan Jalan Orkid, Bukit Sentosa pada 22 Jun 2013, Unit Cawangan Pesuruhjaya Bangunan, MDHS telah mengadakan Program Gotong-Royong Dan Penyerahan Tong Sampah untuk kegunaan bersama di kawasan di rumah kedai perniagaan Jalan Orkid, Bukit Sentosa. Program tersebut telah dirasmikan oleh Tuan Yang DiPertua Majlis Daerah Hulu Selangor, Tuan Tukiman Bin Nail seterusnya acara penyerahan tong sebagai gimik pada acara tersebut.





## Hari Bertemu Pelanggan Bersepadu MDHS Bersama BPA Selangor Di Econsave Batang Kali

Buat pertama kali Unit Aduan, Perhubungan Awam dan Korporat telah menganjurkan Hari Bertemu Pelanggan MDHS bersepadu bersama Biro Pengaduan Awam (BPA) pada 23 Jun 2013 (Ahad), bertempat di Econsave, Batang Kali. Program ini masih lagi dijalankan di luar kawasan pejabat dan dibuat pada hari cuti bagi menggalakkan penyertaan dari orang ramai.. Pada hari tersebut semua jabatan yang terdapat di dalam organisasi MDHS turut terlibat membuka kaunter. Pihak MDHS juga turut menjemput beberapa jabatan luar untuk turut serta membuka kaunter dan pameran. Program ini turut diserikan dengan kehadiran Pengarah BPA Negeri Selangor iaitu Tn. Abdul Razak bin Abd.Latif yang turut hadir pada program

HBP ini. Majlis bermula pada jam 8.30 pagi dan berakhir pada jam 2.00 petang. Purata kehadiran orang ramai dan pegawai-pegawai yang bertugas ialah seramai 550 orang. Program HBP pada kali ini menyelitkan beberapa pertandingan seperti pertandingan anyam ketupat dan kukur kelapa dan yang paling menarik sekali ialah acara Jom Makan Durian yang telah diselenggara oleh Jabatan Perbendaharaan. Turut diselitkan juga acara cabutan bertuah. Selain itu, turut diadakan pertandingan mewarna bagi kategori kanak-kanak bawah 12 tahun dan 6 tahun dan pertandingan teka kacang. Program tersebut turut dihadiri oleh Yang DiPertua, Setiausaha, Ahli-ahli Majlis MDHS dan juga ketua-ketua Jabatan MDHS.



## Lawatan Mesra Exco Kerajaan Tempatan, Kajian Dan Penyelidikan Negeri Selangor Y.B. Dato' Teng Chang Khim

Pada 24 Jun 2013 bertempat di Majlis Daerah Hulu Selangor, satu lawatan mesra daripada Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan Negeri Selangor, Y.B. Dato' Teng Chang Khim telah dibuat. Program ini dimulakan dengan penerangan mengenai Majlis Daerah Hulu Selangor oleh Tuan Yang DiPertua Majlis Daerah Hulu Selangor dan ketua-ketua jabatan dalaman.







# 'Daripada Anda Untuk Anda'



**MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR**  
JALAN BUKIT KERAJAAN,  
44000 KUALA KUBU BHARU  
TEL : 03-60641331  
FAX : 03-60643991

**SEBARANG ADUAN BERKAITAN MDHS SILA LAYARI**  
<http://mdhs.gov.my> atau email ke [aduan@mdhs.gov.my](mailto:aduan@mdhs.gov.my)  
atau tel. aduan **03-60641655** atau sms dengan menaip  
MDHS ADUAN <butiranaduan> dan hantar ke 15888